

**SULIT**



**KEMENTERIAN PENDIDIKAN TINGGI  
JABATAN PENDIDIKAN POLITEKNIK DAN KOLEJ KOMUNITI**

**BAHAGIAN PEPERIKSAAN DAN PENILAIAN  
JABATAN PENDIDIKAN POLITEKNIK DAN KOLEJ KOMUNITI  
KEMENTERIAN PENDIDIKAN TINGGI**

**JABATAN PELANCONGAN DAN HOSPITALITI**

**PEPERIKSAAN AKHIR**

**SESI I : 2025/2026**

**DTF50184 : HALAL ASSURANCE SYSTEM**

**TARIKH : 09 DISEMBER 2025**

**MASA : 2.30 PETANG - 4.30 PETANG (2 JAM)**

---

Kertas ini mengandungi **LAPAN (8)** halaman bercetak.

Struktur (4 soalan)

Dokumen sokongan yang disertakan : Tiada

---

**JANGAN BUKA KERTAS SOALAN INI SEHINGGA DIARAHKAN**

(CLO yang tertera hanya sebagai rujukan)

**SULIT**

**INSTRUCTION:**

This section consists of **FOUR (4)** structure questions. Answer **ALL** questions.

**ARAHAN:**

*Bahagian ini mengandungi EMPAT (4) soalan struktur. Jawab SEMUA soalan.*

**QUESTION 1****SOALAN 1**

CLO1

- (a) Give the correct meanings of the following abbreviations from the MPPHM (Domestik) 2020 in their proper certification context:

*Berikan maksud yang betul bagi singkatan berikut daripada MPPHM (Domestik) 2020 dalam konteks pensijilan halal:*

<b>Abbreviation / Singkatan</b>	<b>Full Name / Nama Penuh</b>
<b>i. MPPHM</b>	
<b>ii. HAS</b>	
<b>iii. HPB</b>	
<b>iv. IHCS</b>	
<b>v. SPHM</b>	

[5 marks]

[5markah]

- (b) Determine how the definitions of “Halal Executive” and “Internal Halal Committee” reflect the operational responsibilities required by JAKIM in halal certification.

*Tentukan bagaimana tafsiran terhadap “Eksekutif Halal” dan “Jawatankuasa Halal Dalaman” mencerminkan tanggungjawab operasi seperti yang dikehendaki oleh JAKIM dalam pensijilan halal.*

[6 marks]

[6 markah]

CLO1

- (c) Analyse the importance of accurately interpreting the terms below in ensuring compliance during certification applications and audits.

*Analisa kepentingan pentafsiran yang tepat terhadap istilah berikut dalam memastikan pematuhan semasa permohonan dan audit pensijilan.*

- i. Halal Product/ *Produk Halal*
- ii. Halal Policy / *Polisi Halal*
- iii. Food Premises / *Premis Makanan*

[14 marks]

[14 markah]

## QUESTION 2

## SOALAN 2

- CLO1 (a) Write **FIVE (5)** eligibility conditions from MPPHM (Domestik) 2020 for a new company to qualify for Malaysia Halal Certification.

*Tuliskan LIMA (5) syarat kelayakan daripada MPPHM (Domestik) 2020 untuk menilai sama ada sebuah syarikat baharu layak memohon Pensijilan Halal Malaysia.*

[5 marks]

[5markah]

- CLO 1 (b) Suggest **SIX (6)** documentation and approval requirements for halal logo usage in packaging, advertising, and product labeling based on MPPHM (Domestik) 2020.

*Cadangkan ENAM (6) keperluan dokumentasi dan kelulusan bagi penggunaan logo halal pada pembungkusan, pengiklanan dan pelabelan produk berdasarkan MPPHM (Domestik) 2020.*

[6 marks]

[6 markah]

- CLO 1 (c) Analyse **SEVEN (7)** conditions and justifications under which a halal certificate may be suspended or revoked according to MPPHM (Domestik) 2020.

*Analisa TUJUH (7) syarat dan justifikasi yang membolehkan sijil halal digantung atau dibatalkan seperti yang dinyatakan dalam MPPHM (Domestik) 2020.*

[14 marks]

[14 markah]

## QUESTION 3

## SOALAN 3

Fresh Bakery Sdn. Bhd. produces cakes and pastries. During an internal review, it was discovered that the raw materials such as flour and eggs were stored together with non-halal products (e.g., non-halal gelatin).

*Fresh Bakery Sdn. Bhd. menghasilkan kek dan pastri. Semasa semakan dalaman, didapati bahawa bahan mentah seperti tepung dan telur telah disimpan bersama dengan produk tidak halal (contohnya, gelatin tidak halal).*

- CLO 1 (a) Write **FIVE (5)** assessments of Fresh Bakery Sdn. Bhd.'s raw material handling based on Procedure 17- General Requirements.

*Tuliskan LIMA (5) penilaian terhadap pengendalian bahan mentah Fresh Bakery Sdn. Bhd. berdasarkan keperluan Prosedur 17 – Keperluan Umum.*

[5 marks]

[5 markah]

- CLO 1 (b) Differentiate certification requirements between the *Premis Makanan* scheme and the *Rumah Sembelihan* scheme under Procedure 18 – Specific Requirement.

*Bezakan keperluan pensijilan antara skim Premis Makanan dan skim Rumah Sembelihan di bawah Prosedur 18 – Keperluan Khusus.*

[6 marks]

[6 markah]

- CLO 1 (c) The Malaysian halal certification process is governed by both general requirements (such as halal policies, documentation, and internal control systems) and scheme-specific requirements (including slaughtering methods, sourcing of raw materials, and logistics practices). These are clearly outlined in the MPPHM (Domestik) 2020 and related standards. Failure to meet these requirements can result in severe consequences, including rejection of the application, revocation of halal certificates, suspension of production, or even legal action. Companies must therefore understand and comply with all applicable requirements to ensure uninterrupted halal status and avoid reputational and financial risks.

*Proses pensijilan halal Malaysia dikawal oleh keperluan umum (seperti polisi halal, dokumentasi, dan sistem kawalan dalaman) serta keperluan khusus skim (seperti kaedah penyembelihan, sumber bahan mentah, atau amalan logistik). Semua keperluan ini dinyatakan dengan jelas dalam MPPHM (Domestik) 2020 dan standard yang berkaitan. Kegagalan mematuhi keperluan ini boleh membawa kesan serius seperti penolakan permohonan, pembatalan sijil halal, penggantungan operasi pengeluaran, atau tindakan undang-undang. Oleh itu, syarikat mesti memahami dan mematuhi semua keperluan yang berkenaan untuk memastikan status halal sentiasa terpelihara dan mengelakkan risiko reputasi serta kewangan.*

Analyze **SEVEN (7)** risks and non-compliance implications if a company fails to meet both general and scheme-specific requirements in the halal certification proces.

*Analisa **TUJUH (7)** risiko dan implikasi ketidakpatuhan sekiranya sesebuah syarikat gagal memenuhi kedua-dua keperluan umum dan keperluan khusus skim dalam proses pensijilan halal.*

[14 marks]

[14 markah]

**QUESTION 4****SOALAN 4**

- CLO 1 (a) Examine **FIVE (5)** requirements from the MHMS 2020 guidelines regarding the qualifications and appointment process of an Internal Halal Auditor.

*Huraikan **LIMA (5)** keperluan daripada garis panduan MHMS 2020 berkaitan kelayakan dan proses pelantikan seorang Juruaudit Halal Dalaman.*

[5 marks]

[5 markah]

CLO 1

SweetDelight Bakery Sdn. Bhd., a JAKIM halal-certified bakery in Selangor, conducted its internal halal audit in June 2025. The audit revealed several weaknesses that posed a risk of non-compliance with MHMS and JAKIM halal certification requirements.

*SweetDelight Bakery Sdn. Bhd., sebuah bakeri yang diperakui halal oleh JAKIM dan beroperasi di Selangor, telah menjalankan audit halal dalaman. Hasil audit tersebut mendedahkan beberapa kelemahan yang berpotensi menyebabkan ketidakpatuhan terhadap Sistem Pengurusan Halal Malaysia (MHMS) dan keperluan pensijilan halal JAKIM.*

- (b) Write the **SIX (6)** solutions on how the company should properly document and report its internal halal audit findings to ensure compliance with MHMS and JAKIM requirements.

*Tulis **ENAM (6)** penyelesaian tentang bagaimana syarikat seharusnya mendokumentasikan dan melaporkan dapatan audit halal dalaman dengan betul untuk memastikan pematuhan kepada keperluan MHMS dan JAKIM.*

[6 marks]

[6 markah]

CLO 1

- (c) In halal-certified operations, internal audits play a critical role in maintaining the integrity of the Halal Assurance System (HAS). Section 5(5) of the MHMS 2020 outlines the requirement for internal halal audits to be conducted at least twice a year. These audits must be well-planned and must include proper documentation, identification of non-conformities, and timely corrective actions. Failure to maintain a systematic audit process may lead to non-compliance, suspension of halal status, or product recall.

*Dalam operasi yang diperakui halal, audit dalaman memainkan peranan penting dalam mengekalkan integriti Sistem Jaminan Halal (HAS). Seksyen 5(5) MHMS 2020 menyatakan keperluan pelaksanaan audit halal dalaman sekurang-kurangnya dua kali setahun. Audit ini perlu dirancang dengan teliti serta merangkumi pendokumentasian, pengenalpastian ketakakuran, dan pelaksanaan tindakan pembedulan secara berjadual. Kegagalan melaksanakan audit secara sistematik boleh menyebabkan ketidakpatuhan, penggantungan status halal, atau penarikan semula produk.*

Analyse **SEVEN (7)** factors of how internal halal audit planning, frequency, and corrective action strategies help sustain compliance and reduce halal risks in certified operations.

*Analisis **TUJUH (7)** faktor bagaimana perancangan audit halal dalaman, kekerapan, dan strategi tindakan pembedulan membantu mengekalkan pematuhan dan mengurangkan risiko halal dalam operasi yang diperakui.*

[14 marks]

[14 markah]

**SOALAN TAMAT**